

UBAT MELALUI POS (UMP) 1 MALAYSIA

Perkhidmatan ubat melalui pos 1 Malaysia, ialah perkhidmatan pembekalan UBAT SUSULAN melalui POS LAJU ke lokasi pilihan seluruh Malaysia. Perkhidmatan ini boleh diperolehi di semua Hospital Utama negeri seluruh Malaysia.

FAEDAH UMP 1 MALAYSIA

- Ubat dihantar terus ke lokasi pilihan
- Jaminan kesinambungan bekalan ubat
- Selesaikan masalah kesuntukan masa

CARA MENDAPATKAN UMP 1 MALAYSIA

- Pergi ke kaunter farmasi bagi mendapatkan borang tawaran UMP 1 MALAYSIA
- Semak kriteria UMP 1 MALAYSIA

KRITERIA UMP 1 MALAYSIA

PESAKIT:-

1. Patuh dan faham terapi pengubatan
2. Memahami cara penggunaan ubat
3. Stabil

UBAT:-

1. Bentuk dos jenis tablet/kapsul
2. Bukan ubat jenis psikotropik
3. Tidak sensitif kepada perubahan suhu & kelembapan

PRESKRIPSI

1. Penyakit kronik
2. Bekalan ubat kali pertama di kaunter farmasi
3. Tempoh melebihi 1 bulan

KADAR UMP 1 MALAYSIA

BIL	KAWASAN PENGHANTARAN		CAJ (RM)	
	Dari Kawasan	Ke Kawasan	< 500 gram	< 1 kilo
1.	Semenanjung Malaysia	Semenanjung Malaysia	RM 5.00	RM 6.00
2.	Sabah/Sarawak	Sabah/Sarawak	RM 5.00	RM 6.00
3.	Semenanjung Malaysia	Sabah/Sarawak	RM 8.00	RM 10.00
4.	Sabah/Sarawak	Semenanjung Malaysia	RM 8.00	RM 10.00

- Pembayaran boleh dibuat secara tunai selepas kiriman ubat diterima (cash on delivery)
- Kiriman ubat boleh dihantar mengikut lokasi pilihan pesakit sama ada di rumah atau di pejabat
- Pesakit diminta merujuk perkara ini kepada pegawai farmasi di hospital yang membuat penghantaran kiriman ubat berkenaan utk maklumat lanjut.